



**DASAR PENYELIDIKAN, INOVASI
DAN PERSIDANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
(PINDAAN 2023)**

**EKOSISTEM PENYELIDIKAN DAN INOVASI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Kandungan

Klausa	Perkara	Halaman
1.0	Bahagian 1: Permulaan	
1.1	Tajuk Ringkas, Pemakaian dan Permulaan Kuat Kuasa	
1.2	Pemansuhan	
1.3	Tafsiran	
2.0	Bahagian 2: Penyelidikan dan Inovasi	
2.1	Penyataan Dasar Penyelidikan dan Inovasi	
2.2	Keperluan untuk menjalankan Penyelidikan dan Inovasi	
2.3	Keperluan menjalankan Inovasi dan Perundingan	
2.4	Strategi Pelaksanaan Dasar Penyelidikan dan Inovasi	
2.5	Hasil (<i>output</i>) Penyelidikan dan Petunjuk Prestasi	
2.6	Hak Harta Intelektual	
2.7	Etika Penyelidikan	
2.8	Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Universiti Malaysia Sabah	
3.0	Bahagian 3: Menghadiri Persidangan Dalam dan Luar Negara	
3.1	Dasar Menghadiri Persidangan	
3.2	Menghadiri Persidangan Dalam Negara dengan Bantuan Kewangan	
3.3	Menghadiri Persidangan Luar Negara dengan Bantuan Kewangan	
3.4	Menghadiri Persidangan Tanpa Bantuan Kewangan	
3.5	Menghadiri Persidangan Dalam dan Luar Negara Menggunakan Geran Penyelidikan	
3.6	Kelulusan	
3.7	Laporan selepas Menghadiri Persidangan	
4.0	Bahagian 4: Mengajukan Persidangan	
4.1	Dasar Mengajukan Persidangan	
4.2	Kelayakan Pemohon	
4.3	Mengajukan Persidangan	
4.4	Pertimbangan dan Kelulusan	
4.5	Pembiayaan	
4.6	Laporan Selepas Mengajukan Persidangan	
4.7	Pembatalan Mengajukan Persidangan	
5.0	Bahagian 5: Peruntukkan Pengecualiaan dan Peralihan	
5.1	Tafsiran	
5.2	Kesahan Tindakan oleh Universiti	
5.3	Hak, Dsb, Pihak Berkuasa dan Pegawai Universiti tidak terjejas	
5.4	Kuasa yang diwakilkan	
5.5	Kecualian Peraturan dan sebagainya	
6.0	Am	

DASAR PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PERSIDANGAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (PINDAAN 2023)

Dasar ini bertujuan untuk menyelaraskan, mengurus, menyelia dan mentadbir hal ehwal Penyelidikan, Inovasi dan Persidangan di Universiti Malaysia Sabah dan perkara lain yang berkaitan dengannya. Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Seksyen 37 Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah (P.U.(A) 460/2010), Lembaga setelah dicadangkan oleh Senat membuat dasar yang berikut:

BAHAGIAN 1

PERMULAAN

1.1 Tajuk Ringkas, Pemakaian dan Permulaan Kuat Kuasa

- 1.1.1 Dasar ini dinamakan Dasar Penyelidikan, Inovasi dan Persidangan Universiti Malaysia Sabah (Pindaan 2023) dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Senat.
- 1.1.2 Dasar ini hendaklah terpakai kepada semua proses yang berkaitan dengan pelaksanaan dan pengurusan penyelidikan, hasil penyelidikan, inovasi, aktiviti kesarjanaan, aktiviti usahasama (kolaborasi) dan persidangan.

1.2 Pemansuhan

- 1.2.1 Dasar Penyelidikan dan Inovasi Universiti Malaysia Sabah (Pindaan 2020), dan Dasar Persidangan Universiti Malaysia Sabah (Pindaan 2020) yang diluluskan oleh Senat dan juga pindaan-pindaan dibuat selepas itu, sebelum tarikh kuat kuasa Dasar Penyelidikan, Inovasi dan Persidangan (Pindaan 2023) adalah dengan ini dimansuhkan.

1.3 Tafsiran

Dalam Dasar ini;

"Lembaga" ertinya Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah. "Universiti" ertinya Universiti Malaysia Sabah.

"Senat" ertinya Senat Universiti Malaysia Sabah.

"Pengurusan Universiti" ertinya Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU), Senat dan Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi Universiti (JKPI).

"Naib Canselor" ertinya Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah.

"Ketua Jabatan" ertinya Ketua-Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ).

"Kakitangan" ertinya mana-mana orang yang dilantik oleh Universiti di bawah Perlembagaan Universiti dan mana-mana Statut lain termasuk kakitangan yang berjawatan tetap, kontrak, sementara dan staf pinjaman.

"Penyelidikan" ertinya suatu kajian sistematik ke atas bahan dan sumber dalam pelbagai bidang dalam usaha mewujudkan fakta dan ilmu pengetahuan baharu. Ia membabitkan pelbagai bidang merangkumi penemuan penyelidikan sains dan sains sosial, penerbitan, penciptaan, pengembangan atau penambahbaikan secara konseptual dan teoritikal, teknikal atau komposisi atau meningkatkan pemahaman semasa melalui penganalisan kritis.

"Penyelidik" ertinya kakitangan atau pelajar yang menjalankan penyelidikan.

"Inovasi" ertinya rangkaian kegiatan yang dilakukan oleh suatu organisasi untuk mengembangkan dan menerapkan idea-idea baharu secara sistematik dan berlanjutan iaitu mempertimbangkan peluang inovasi, mengembangkan idea inovasi, menguji dan menilai idea inovasi, dan mengimplementasikan idea inovasi yang berjaya.

"Pelajar" ertinya seorang pelajar berdaftar di Universiti.

"Hak Harta intelek" ertinya hak-hak yang dilindungi oleh undang-undang khusus yang membolehkan pemilik Harta Intelek tersebut melaksanakan kawalan eksklusif ke atas penggunaan hak-hak tersebut dan biasanya dikaitkan dengan tujuan keuntungan komersial.

"Persidangan" ertinya Kongres, Seminar, Forum, Simposium, Kolokium, Wacana, Ceramah, Bengkel dan Webinar yang tidak bersifat kursus. Persidangan hendaklah dianjurkan oleh badan yang diiktiraf oleh Universiti atau Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan memenuhi *output* penerbitan ilmiah.

"Pusat-Pusat yang menguruskan hal ehwal penyelidikan, inovasi dan persidangan" ertinya Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP), Pusat Pengurusan Inovasi dan Pengkomersialan (PPIP), Pusat Instrumentasi dan Perkhidmatan Sains (PIPS), Penerbit UMS, dan Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan dan Inovasi (BPPI).

"Klien" ertinya individu atau agensi kerajaan atau syarikat atau kumpulan bukan kerajaan yang menerima perkhidmatan daripada penyelidik. Hubungan antara klien dan penyelidik adalah berdasarkan kepercayaan, persefahaman bersama, dan kerjasama untuk mencapai matlamat atau penyelesaian masalah yang diinginkan oleh klien.

BAHAGIAN 2

PENYELIDIKAN DAN INOVASI

2.1 Penyataan Dasar Penyelidikan dan Inovasi

- 2.1.1 Visi Universiti Malaysia Sabah adalah menjadi sebuah Universiti berinovatif yang bertaraf dunia.
- 2.1.2 Universiti komited untuk membangunkan budaya penyelidikan yang kompetitif dan berinovasi dalam kalangan warga kerja dan pelajarinya demi meningkatkan kualiti kehidupan sejagat.
- 2.1.3 Semua warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang terlibat dalam aktiviti penyelidikan, inovasi dan penerbitan, layak memohon geran dalaman yang disediakan oleh Universiti.
- 2.1.4 Setiap penyelidik hendaklah mematuhi etika penyelidikan dan inovasi serta peraturan yang ditetapkan oleh Universiti.
- 2.1.5 Semua penyelidik hendaklah mendaftarkan projek penyelidikan dan inovasi (bergeran dan tidak bergeran) dengan pusat-pusat yang menguruskan hal ehwal penyelidikan di UMS. Penyelidik yang menjadi ahli kumpulan penyelidikan dan inovasi di institusi luar perlu juga mendaftar projek tersebut.
- 2.1.6 Mana-mana projek penyelidikan dan inovasi yang tidak didaftarkan dengan pusat-pusat yang menguruskan hal ehwal penyelidikan di UMS tidak akan diiktiraf sebagai projek universiti.
- 2.1.7 Setiap penyelidik boleh menjadi ketua projek untuk seberapa banyak geran mengikut kemampuan dan adalah tertakluk kepada garis panduan geran tersebut. Permohonan baharu untuk geran yang sama adalah tertakluk kepada garis panduan geran tersebut.
- 2.1.8 Hasil laporan perkembangan penyelidikan dan inovasi hendaklah dilaporkan kepada pusat-pusat yang menguruskan hal ehwal penyelidikan, inovasi dan persidangan di UMS setiap 6 bulan atau mengikut garis panduan geran berkaitan.

2.2 Keperluan Untuk Menjalankan Penyelidikan dan Inovasi

Dalam usaha untuk memenuhi visi yang ditetapkan, Universiti mengambil pendekatan berikut:

- 2.2.1 Semua kakitangan dikehendaki menjalankan penyelidikan dan inovasi serta aktiviti kesedaran di samping menerbitkan hasil penyelidikan dan inovasi mereka dan / atau mendapatkan perlindungan harta intelek.
- 2.2.2 Semua penyelidik dikehendaki memohon dana penyelidikan bagi membiayai penyelidikan dan inovasi mereka.
- 2.2.3 Menjalankan penyelidikan dan inovasi adalah satu keperluan dalam perkembangan kerjaya kakitangan di samping memenuhi tanggungjawab akademik dan pentadbiran.
- 2.2.4 Dasar ini tidak boleh digunakan sebagai alasan kepada ketua PTJ daripada mengecualikan tugas pengajaran dan/atau lain-lain tanggungjawab akademik kepada kakitangan di bawah pengawasannya tanpa mendapatkan kelulusan daripada Naib Canselor.

2.3 Keperluan untuk Menjalankan Inovasi dan Perundingan

- 2.3.1 Semua kakitangan digalakkan untuk membangunkan inovasi hasil daripada aktiviti penyelidikan dan inovasi.
- 2.3.2 Semua kakitangan digalakkan untuk menjalankan perundingan berdasarkan kepakaran masing-masing.

2.4 Strategi Pelaksanaan Dasar Penyelidikan dan Inovasi

Strategi Universiti dalam meningkatkan kecemerlangan aktiviti penyelidikan dan inovasi dalam kalangan kakitangan dan pelajar adalah:

2.4.1 Aspek Penyelidikan dan Inovasi

Strategi yang diambil dari aspek penyelidikan dan inovasi ialah:

- 2.4.1.1 Mengurus tadbir ekosistem penyelidikan dan inovasi yang kondusif dan menghala ke arah penyelidikan multi dan / atau trans-disiplin.
- 2.4.1.2 Menyelaras pengurusan penyediaan kemudahan asas bagi penyelidikan dan inovasi.
- 2.4.1.3 Memperakukan kakitangan untuk menjalankan penyelidikan dan inovasi di dalam dan luar negara.
- 2.4.1.4 Memberikan insentif dan sokongan kepada kakitangan untuk menjalankan penyelidikan dan inovasi di dalam dan luar negara.

- 2.4.1.5 Menyelaras peruntukan kewangan dalam bentuk geran untuk aktiviti penyelidikan dan inovasi melalui skim-skim dana penyelidikan.
- 2.4.1.6 Membudayakan penyelidikan dan inovasi berkumpulan (*research group*) bagi kemampanan penyelidikan dan inovasi melalui inisiatif kluster penyelidikan (*research cluster*). Kluster penyelidikan ini dibahagikan kepada empat (4) kluster iaitu:
- i) Alam Sekitar dan Sains Gunaan;
 - ii) Perubatan dan Sains Hayat;
 - iii) Seni, Sains Sosial dan Kemanusiaan; dan
 - iv) Kejuruteraan dan Teknologi
- 2.4.1.7 Mengenalpasti kekuatan penyelidikan dan inovasi PTJ bagi mengembangkan bidang kluster secara berfokus.
- 2.4.1.8 Mengenalpasti dan menyokong perkembangan kepakaran dalam bidang tujahan (*niche area*) dan penerokaan bidang-bidang baharu untuk dijadikan antara kekuatan bidang penyelidikan, inovasi universiti dan kepentingan negara.
- 2.4.1.9 Membangunkan pusat-pusat penyelidikan dan inovasi sebagai peneraju perkembangan penyelidikan yang dinamik dan/atau sebagai sumber universiti menjana pendapatan melalui penubuhan Makmal Hidupan (*Living Lab*), Makmal Penyelidikan (*Research Lab*), Makmal Perkhidmatan (*Service Lab*) dan/ atau gabungan antara Makmal Penyelidikan dan Makmal Perkhidmatan.
- 2.4.1.10 Semua makmal ini hendaklah didaftar di dalam SMPPPI. Makmal yang tidak didaftarkan tidak akan diiktiraf sebagai makmal universiti.
- 2.4.1.11 Menjalinkan hubungan strategik dengan pelbagai entiti termasuklah pihak awam dan industri di dalam negara dan antarabangsa bagi tujuan pembiayaan dan penajaan penyelidikan dan inovasi.
- 2.4.1.12 Merangka strategi untuk memastikan peningkatan *output* kuantiti dan kualiti penyelidikan dan inovasi selaras dengan keperluan penarafan seperti *affiliation* di mana penyelidik boleh memohon pengiktirafan maksimum untuk 2 tempat penyelidikan untuk satu (1) *output* yang dihasilkan (Fakulti asal dan Fakulti tumpangan).
- 2.4.1.13 Memberi pengiktirafan dan penganugerahan yang bersesuaian untuk menggalakkan kecemerlangan dalam penyelidikan dan inovasi.

2.4.2 Aspek Pengkomersialan, Perundingan dan Latihan Berkaitan dengan Hasil Penyelidikan

Strategi yang diambil dari aspek pengkomersialan, perundingan dan latihan berkaitan dengan hasil penyelidikan dan inovasi ialah:

- 2.4.2.1. Menggalakkan kakitangan untuk meningkatkan jalinan kerjasama antarabangsa.
- 2.4.2.2. Mengkomersialkan penemuan penyelidikan, inovasi dan teknologi yang dihasilkan di Universiti.
- 2.4.2.3. Memberi pendedahan kepada kakitangan Universiti aspek-aspek yang berkaitan dengan perundingan, pengkomersialan, harta intelek serta pemindahan teknologi.
- 2.4.2.4. Mempergiatkan interaksi dalam bidang perundingan dengan industri dan badan-badan profesional.
- 2.4.2.5. Memantapkan perkhidmatan rundingan dan bidang kepakaran penyelidik dan inovasi kepada jabatan kerajaan dan swasta serta badan-badan profesional.
- 2.4.2.6. Membangunkan kerjasama di antara Universiti-Industri dalam pemindahan teknologi, latihan dan perkara-perkara yang berkaitan.
- 2.4.2.7. Mengiktiraf kakitangan yang menyumbang dalam penjanaan pendapatan bagi Universiti.
- 2.4.2.8. Menggalakkan perunding yang berpengalaman mewujudkan pelapis dalam kalangan pensyarah baharu bagi memastikan kesinambungan dan memantapkan kumpulan kepakaran.

2.5 Hasil (*Output*) Penyelidikan dan Petunjuk Prestasi

Hasil dan Petunjuk Prestasi Penyelidikan dan Inovasi merujuk kepada:

- 2.5.1 Penerbitan dalam bentuk artikel, makalah dan kertas ilmiah dalam jurnal atau prosiding berindeks mengikut keperluan Malaysian Research Assessment (MyRA), buku (karya asli), dan bab dalam buku yang berdaftar di bawah Majlis Penerbitan Ilmiah (MAPIM).

- 2.5.2 Hak harta intelek dan dokumentasi dalam bentuk paten, *know-how*, Hak Cipta, Rekabentuk Industri, Rekabentuk Susun Atur Litar Bersepadu, Cap Dagang dan Rahsia Dagangan.
- 2.5.3 Kertas kerja yang dibentang di persidangan, seminar dan bengkel di peringkat Universiti, kebangsaan dan antarabangsa.
- 2.5.4 Karya kreatif asli seperti dokumentari, skor muzik, persembahan artistik, video dan yang berkenaan.
- 2.5.5 Laporan penyelidikan yang menyumbang kepada penambahbaikan rangka kerja polisi kerajaan atau strategi pengurusan institusi.
- 2.5.6 Pengiktirafan yang diterima bagi hasil penyelidikan dan inovasi.
- 2.5.7 Dana penyelidikan dan inovasi yang berdaftar dengan Universiti dari sumber awam, swasta dan luar negara yang diperolehi.
- 2.5.8 Pengiktirafan kepakaran penyelidik seperti pelantikan sebagai penyunting jurnal, pemeriksa luar, panel pakar dan perunding.
- 2.5.9 Penyeliaan calon pasca siswazah sehingga ke pengijazahan.
- 2.5.10 Penyelidikan dan hasil penyelidikan yang mendapat liputan media masa.
- 2.5.11 Produk/idea penyelidikan dan inovasi yang dilindungi di bawah Harta Intelek yang didaftarkan melalui Universiti dan dikomersialkan.
- 2.5.12 Penggunaan hasil penyelidikan dan inovasi dalam pembangunan negara.
- 2.5.13 Laporan kajian atau projek perundingan yang disediakan memenuhi terma rujukan dan diperakukan oleh klien.
- 2.5.14 Lain-lain yang berkaitan.

2.6 Hak Harta Intelek

- 2.6.1 Hak Harta intelek merupakan hak-hak yang dilindungi oleh undang-undang khusus yang membolehkan pemilik Harta Intelek tersebut melaksanakan kawalan eksklusif ke atas penggunaan hak-hak tersebut, biasanya dikaitkan dengan tujuan keuntungan komersial. Dasar-Dasar yang diguna pakai oleh Universiti adalah seperti yang telah digariskan di dalam Polisi Harta Intelek.

2.7 Etika Penyelidikan

- 2.7.1 Kakitangan Universiti yang menjalankan penyelidikan dan inovasi perlu mempunyai etika yang tinggi berpandukan Kod Etika Ahli Akademik UMS (Pindaan 2013) dan Kod Etika Penyelidikan UMS.

2.8 Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Universiti Malaysia Sabah

Dalam usaha untuk meningkatkan profil penyelidikan Universiti yang akan menumpukan kekuatan dalam bidang sedia ada di mana Universiti mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut, penubuhan pusat-pusat penyelidikan dan Institut akan dipergiatkan. Ciri-ciri Pusat Penyelidikan dan Institut Kecemerlangan adalah:

- 2.8.1 Selaras dengan kepentingan strategik Universiti.
- 2.8.2 Mendukung dasar dan strategi penyelidikan Universiti.
- 2.8.3 Menunjukkan prestasi penyelidikan atau perkhidmatan profesional berkualiti tinggi.
- 2.8.4 Menunjukkan kelestarian dalam penyelidikan dan kewangan.
- 2.8.5 Telah diluluskan oleh Senat dan Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah.

BAHAGIAN 3

MENGHADIRI PERSIDANGAN

3.0 Menghadiri Persidangan Dalam dan Luar Negara

3.1 Dasar Menghadiri Persidangan

- 3.1.1 Kakitangan UMS digalakkan menyertai persidangan sebagai salah satu tanggungjawab mereka untuk tujuan peningkatan kerjaya.
- 3.1.2 Pengurusan Universiti berhak untuk memberikan kelulusan sama ada dengan bantuan penuh, sebahagian atau tanpa bantuan kewangan tertakluk kepada kedudukan pemohon dalam persidangan tersebut dan sejauh mana ia memberi kepentingan dan kemampuan menyumbang kepada peningkatan kerjaya pemohon.
- 3.1.3 Universiti berhak menolak permohonan yang tidak memenuhi kehendak dan kriteria atau pun yang bercanggah dengan prinsip universiti.
- 3.1.4 Semua kakitangan yang ingin menghadiri persidangan sama ada memerlukan bantuan kewangan ataupun tidak, wajib membuat permohonan menghadiri persidangan melalui pusat-pusat yang menguruskan hal ehwal penyelidikan, inovasi dan persidangan di UMS.
- 3.1.5 Universiti tidak akan memperakukan serta tidak bertanggungjawab bagi kakitangan yang menghadiri persidangan tanpa kelulusan Universiti.
- 3.1.6 Penyertaan persidangan tanpa kelulusan Universiti tidak akan diperakukan bagi sebarang tujuan kemajuan kerjaya.
- 3.1.7 Persidangan hendaklah dianjurkan oleh badan yang diiktiraf oleh Universiti atau Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan memenuhi *output* penerbitan ilmiah.
- 3.1.8 Terdapat 2 (dua) aktiviti utama menghadiri persidangan iaitu:
 - i) Menghadiri persidangan dalam negara; dan
 - ii) Menghadiri persidangan luar negara.

3.2 Menghadiri Persidangan Dalam Negara dengan Bantuan Kewangan

3.2.1 Kelayakan

- 3.2.1.1 Pemohon hendaklah sebagai pembentang.

- 3.2.1.2 Permohonan dengan bantuan dihadkan sebanyak satu (1) kali setiap tahun.
- 3.2.1.3 Kelulusan bantuan kewangan tertakluk kepada ulasan daripada Jawatankuasa Penilaian di peringkat FAPI.

3.2.2 Nilai Bantuan

- 3.2.2.1 Nilai bantuan adalah seperti berikut tertakluk kepada peruntukan kewangan dari masa ke semasa.
 - i) Pembiayaan Yuran Persidangan; dan/atau
 - ii) Kos Penerbangan Ekonomi; dan/atau
 - iii) Pengangkutan; dan/atau
 - iv) Penginapan; dan/atau
 - v) Elaun makan.

3.3 Menghadiri Persidangan Luar Negara dengan Bantuan Kewangan

3.3.1 Kelayakan

- 3.3.1.1 Pemohon hendaklah sebagai pembentang lisan.
- 3.3.1.2 Permohonan dengan bantuan kewangan sebanyak satu (1) kali setiap tahun.
- 3.3.1.3 Bantuan kewangan hanya akan diberi kepada ahli akademik (penyelidik) yang mempunyai penerbitan berkaitan pada tahun yang sebelumnya seperti berikut:
 - i) Jurnal yang berindeks dalam SCOPUS/WOS/ERA; atau
 - ii) Buku ilmiah hasil daripada penyelidikan yang diterbitkan oleh penerbit yang berdaftar dengan MAPIM.
 - iii) Keutamaan diberikan kepada penulis utama atau *Corresponding Author* (bagi jurnal).
- 3.3.1.4 Bagi meningkatkan penerbitan dalam indeks SCOPUS, pensyarah yang membentang di dalam mana-mana persidangan tidak digalakkan untuk menerbitkan artikel yang dibentangkan sebagai prosiding persidangan. Pensyarah digalakkan menerbitkan artikel tersebut sebagai bab dalam buku terutama yang diterbitkan oleh Penerbit UMS.
- 3.3.1.5 Penerbit UMS hendaklah berusaha mendapatkan pengindeksan SCOPUS bagi buku-buku yang diterbitkan oleh penerbit UMS.

3.3.1.6 Kelulusan bantuan kewangan tertakluk kepada ulasan daripada Jawatankuasa Penilaian Teknikal di peringkat FAPI.

3.3.2 Nilai Bantuan

3.3.2.1 Nilai bantuan adalah tertakluk kepada peruntukan kewangan dari semasa ke semasa seperti berikut.

- i) Pembiayaan Yuran Persidangan; dan/atau
- ii) Kos Penerbangan Ekonomi; dan/atau
- iii) Pengangkutan; dan/atau
- iv) Penginapan; dan/atau
- v) Elaun makan.

3.4 Menghadiri Persidangan Tanpa Bantuan Kewangan

3.4.1 Semua kakitangan universiti layak memohon.

3.5 Menghadiri Persidangan Dalam dan Luar Negara Menggunakan Geran Penyelidikan

3.5.1 Kelayakan

- i) Pemohon hendaklah membentangkan hasil penyelidikan
- ii) Pemohon menghadiri bengkel yang berkaitan geran penyelidikan.
- iii) Persidangan hendaklah yang berkaitan dengan geran projek penyelidikan
- iv) Mendapat perakuan oleh Dekan/Pengarah FAPI masing-masing

3.5.2 Nilai Bantuan

3.5.2.1 Nilai bantuan tertakluk kepada baki geran penyelidikan seperti berikut:

- i) Pembiayaan Yuran Persidangan; dan/atau
- ii) Kos Penerbangan Ekonomi; dan/atau
- iii) Pengangkutan; dan/atau
- iv) Penginapan; dan/atau
- v) Elaun makan.

3.6 Kelulusan

3.6.1 Permohonan Menghadiri Persidangan Dalam Negara:

3.6.1.1 Semua permohonan menghadiri persidangan dalam negara hendaklah diperaku oleh Dekan/Pengarah FPI masing-masing.

3.6.1.2 Permohonan menghadiri persidangan dalam negara adalah tertakluk kepada kelulusan pusat-pusat yang menguruskan hal ehwal penyelidikan di UMS.

3.6.2 Permohonan Menghadiri Persidangan Luar Negara:

- 3.6.2.1 Semua permohonan menghadiri persidangan luar negara hendaklah disokong oleh Dekan/Pengarah FAPI masing-masing.
- 3.6.2.2 Permohonan menghadiri persidangan luar negara tertakluk kepada kelulusan oleh pusat-pusat yang menguruskan hal ehwal penyelidikan di UMS.
- 3.6.2.3 Permohonan ke luar negara (borang LN1- Menghadiri Persidangan) adalah tertakluk kepada kelulusan Naib Canselor (Surat Pekeliling Am Bil. 1/84).
- 3.6.2.4 Pembiayaan menghadiri persidangan oleh Universiti hanya diluluskan sekali (1) bagi setiap kertas pembentangan yang sama.
- 3.6.2.5 Bagi kertas kerja yang dihasilkan oleh kumpulan penyelidik, hanya seorang (1) wakil dari kumpulan tersebut akan dibiayai untuk membentangkan kertas kerja.
- 3.6.2.6 Sekiranya kakitangan gagal hadir dan / atau membentangkan kertas kerja, maka kelulusan peruntukan akan ditarik balik dan perlu dibayar semula kepada universiti.
- 3.6.2.7 Pemohon yang sedang cuti belajar atau cuti sabbatical tidak layak memohon peruntukan universiti tetapi boleh dipertimbangkan untuk menggunakan geran penyelidikan mereka sendiri.

3.7 Laporan Selepas Menghadiri Persidangan

- 3.7.1 Semua kakitangan yang telah mendapat kelulusan untuk menghadiri persidangan diwajibkan membuat laporan selepas menghadiri persidangan.
- 3.7.2 Bukti menghadiri persidangan hendaklah dimuat naik ke dalam talian Sistem Maklumat Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (SMPPPI) dalam tempoh satu (1) bulan pemohon kembali daripada menghadiri persidangan.
- 3.7.3 Pemohon hendaklah mengemukakan bukti menghadiri persidangan berserta sijil sebagai pembentang dan dimuat naik ke dalam SMPPPI.
- 3.7.4 Universiti berhak menuntut bayaran balik semua peruntukan yang diluluskan sekiranya pemohon gagal mengemukakan laporan atau mengemukakan laporan yang tidak memuaskan.
- 3.7.5 Pemohon yang tidak mengemukakan laporan selepas menghadiri persidangan dalam tempoh yang ditetapkan seperti di atas tidak akan dipertimbangkan permohonan menghadiri persidangan seterusnya.

BAHAGIAN 4

MENGANJURKAN PERSIDANGAN

4.0 Menganjurkan Persidangan

4.1 Dasar Menganjurkan Persidangan

4.1.1 Semua FAPI digalakkan untuk menganjurkan persidangan khususnya yang boleh memberi nilai tambah kepada FAPI dan universiti secara umum.

4.1.2 Persidangan di sini termasuklah juga kongres, seminar, forum, simposium, kolokium, wacana, ceramah, bengkel dan webinar.

4.1.3 Universiti berhak untuk memberikan kelulusan sama ada dengan bantuan atau tanpa bantuan kewangan.

4.1.4 Semua FAPI yang ingin menganjurkan persidangan sama ada memerlukan bantuan kewangan ataupun tidak, wajib membuat permohonan menganjurkan persidangan melalui pusat-pusat yang menguruskan hal ehwal penyelidikan, inovasi dan persidangan di UMS.

4.1.5 Bahagian 4 ini turut terpakai bagi penganjuran persidangan dengan kerjasama pihak luar.

4.1.6 Penganjuran persidangan tanpa kelulusan universiti boleh dikenakan tindakan tatatertib.

4.1.7 FAPI perlu menubuhkan Jawatankuasa Penganjuran Persidangan untuk merancang dan membuat segala persiapan yang diperlukan bagi sesuatu persidangan.

4.1.8 Terdapat dua (2) jenis penganjuran persidangan di UMS iaitu:

- i) Menganjurkan persidangan Peringkat Universiti/ Negeri/ Kebangsaan.
- ii) Menganjurkan persidangan Peringkat Antarabangsa.

4.2 Kelayakan Pemohon

4.2.1 Semua kakitangan universiti layak memohon untuk menganjurkan persidangan.

4.3 Menganjurkan Persidangan

4.3.1 Menganjurkan Persidangan Peringkat Universiti/ Negeri/ Kebangsaan

4.3.1.1 Pihak FAPI perlu mengemukakan permohonan selewat-lewatnya tiga (3) bulan sebelum tarikh penganjuran persidangan.

4.3.2 Menganjurkan Persidangan Peringkat Antarabangsa

4.3.2.1 Pihak FAPI perlu mengemukakan permohonan selewat-lewatnya enam (6) bulan sebelum tarikh penganjuran persidangan.

4.4 Pertimbangan dan Kelulusan

4.4.1 Semua permohonan penganjuran persidangan hendaklah mendapat sokongan dan perakuan daripada Dekan atau Pengarah.

4.4.2 Kriteria yang digunakan untuk mempertimbangkan permohonan untuk menganjurkan persidangan adalah seperti berikut:

- i) Persidangan tersebut relevan dengan bidang pemohon dan boleh memberi nilai tambah bukan sahaja kepada pemohon tetapi juga FAPI dan Universiti secara umum.
- ii) Pemohon mendapat bantuan penuh atau separa daripada agensi luar untuk menganjurkan persidangan.

4.4.3 Universiti juga berhak menolak permohonan yang tidak memenuhi kehendak dan kriteria atau pun yang bercanggah dengan prinsip universiti.

4.4.4 Penganjuran persidangan hanya boleh dijalankan setelah mendapat kelulusan Universiti.

4.4.5 Pegawai yang terlibat dalam penganjuran persidangan tanpa apa-apa kelulusan Universiti hendaklah disifatkan telah cuai dalam melaksanakan tugasnya dan tidak bertanggungjawab, dan pegawai tersebut boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut peraturan tatatertib yang berkuat kuasa di Universiti.

4.4.6 Terdapat tiga (3) jenis kelulusan iaitu:

- i) Kelulusan dengan bantuan kewangan,
- ii) Kelulusan tanpa bantuan kewangan, dan
- iii) Kelulusan peruntukan pendahuluan

4.4.7 Sebarang permohonan pembiayaan tambahan tidak akan dilayan.

4.4.8 Permohonan penganjuran persidangan peringkat antarabangsa hendaklah:

- i) Mendapat sokongan Dekan/Pengarah dan diperakukan oleh Penerbit UMS
- ii) Permohonan yang telah diperakukan oleh Penerbit UMS akan dikemukakan kepada Timbalan Naib Canselor (P&I) untuk kelulusan.
- iii) Pihak FAPI hendaklah mengemukakan permohonan selewat-lewatnya enam (6) bulan sebelum tarikh penganjuran persidangan.

4.5 Pembiayaan

4.5.1 Jenis-jenis Pembiayaan

- i) Pembiayaan dengan bantuan kewangan akan diberikan bagi aktiviti yang lebih memberi manfaat tinggi kepada universiti dan mempunyai nilai komersial. Jumlah yang akan diluluskan bergantung kepada faedah-faedah yang akan didapati dari persidangan itu berbanding dengan belanja yang harus dikeluarkan.
- ii) Pembiayaan peruntukan pendahuluan adalah bagi tujuan pelancaran aktiviti. Pendahuluan hendaklah dikembalikan dalam tempoh dua (2) bulan selepas tarikh persidangan. Peruntukan pendahuluan akan dipotong dari bajet mengurus FAPI sekiranya pendahuluan gagal dikembalikan.

4.5.2 Had siling Pembiayaan.

- i) RM20,000.00 bagi penganjuran peringkat negeri/kebangsaan.
- ii) RM50,000.00 bagi penganjuran peringkat antarabangsa.

4.5.3 Semua penganjuran persidangan yang melibatkan transaksi kewangan adalah WAJIB untuk membuka akaun amanah UMS.

4.5.4 Kegagalan penganjur untuk membuka akaun amanah boleh dikenakan tindakan tatatertib.

4.5.5 Akaun amanah tersebut hendaklah ditutup dalam tempoh tiga (3) bulan selepas persidangan, melainkan terdapat output akhir persidangan yang belum selesai, seperti penerbitan artikel, buku dan sebagainya. Tempoh penutupan akaun amanah bagi keadaan ini adalah dalam tempoh enam (6) bulan selepas persidangan.

4.5.6 Sekiranya yuran persidangan tidak dapat dikutip pada tahun semasa, dasar-dasar berkaitan hasil penganjuran persidangan Jabatan Bendahari adalah terpakai.

4.6 Laporan selepas Menganjurkan Persidangan

- 4.6.1 Pemohon yang telah mendapat kelulusan untuk menganjur persidangan wajib membuat laporan selepas menganjur persidangan dengan menyertakan salinan-salinan kertas kerja yang dibentang dalam persidangan tersebut.
- 4.6.2 Universiti berhak menuntut bayaran balik semua peruntukan yang diluluskan sekiranya pemohon/penganjur yang berjaya mendapatkan kelulusan peruntukan, gagal mengemukakan laporan atau mengemukakan laporan tidak memuaskan.
- 4.6.3 Penganjur juga tidak dibenarkan menganjur sebarang persidangan baharu sehingga laporan bagi persidangan yang telah dianjurkan diterima dan diperakui oleh Universiti.
- 4.6.4 Laporan selepas menganjurkan persidangan hendaklah dimajukan kepada pusat-pusat yang menguruskan hal ehwal penyelidikan di Universiti menggunakan Borang CR8 dalam tempoh dua (2) bulan selepas tarikh penganjuran.

4.7 Pembatalan Menganjurkan Persidangan

- 4.7.1 Pemohon yang telah mendapat kelulusan sama ada dengan pembiayaan atau tanpa bantuan untuk menganjurkan persidangan tetapi menangguh atau membatalkan penganjuran persidangan tersebut hendaklah memaklumkan kepada pusat-pusat yang menguruskan hal ehwal penyelidikan di Universiti secara bertulis dalam tempoh 14 hari keputusan penangguhan/pembatalan dibuat.
- 4.7.2 Peruntukan bantuan kewangan dan pendahuluan yang telah diluluskan hendaklah dikembalikan kepada pusat-pusat yang menguruskan hal ehwal penyelidikan, inovasi dan persidangan di Universiti dalam tempoh 14 hari selepas pemakluman pembatalan penganjuran.
- 4.7.3 Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
- 4.7.4 Borang permohonan hendaklah dikemukakan dalam tempoh berikut:
 - i) Dalam negara: Satu setengah bulan (1 1/2) bulan sebelum persidangan dijalankan.
 - ii) Luar negara: Tiga (3) bulan sebelum persidangan dijalankan.
- 4.7.5 Pusat-pusat yang menguruskan hal ehwal penyelidikan di Universiti berhak untuk tidak memproses permohonan sekiranya permohonan dihantar lewat daripada tempoh yang telah ditetapkan di atas.

BAHAGIAN 5

PERUNTUKAN PENGECUALIAN DAN PERALIHAN

5.1 Tafsiran

Dalam Bahagian 1 "Peraturan yang dimansuhkan" ertinya Dasar Penyelidikan, dan Inovasi Universiti Malaysia Sabah (Pindaan 2020) dan Dasar Persidangan Universiti Malaysia Sabah (Pindaan 2020) yang dimansuhkan di bawah sub Dasar 1.2.1. dan "tarikh yang ditetapkan" ertinya tarikh Dasar ini mula berkuat kuasa.

5.2 Kesahan tindakan oleh Universiti

- 5.2.1 Apa-apa kelulusan dan tindakan Senat di bawah Peraturan yang dimansuhkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan disifatkan telah dibuat di bawah ini dan terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan.

5.3 Hak, Dsb, Pihak Berkuasa dan Pegawai Universiti Tidak Terjejas

- 5.3.1 Segala hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan dan obligasi Pengurusan Universiti dan Kakitangan Universiti di bawah Peraturan yang dimansuhkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, turun kepada dan disifatkan sebagai hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan dan obligasi Pengurusan Universiti dan Kakitangan Universiti di bawah Dasar ini.
- 5.3.2 Segala aku janji yang diberikan oleh dan perkara yang belum selesai di hadapan Pengurusan Universiti dan Kakitangan Universiti di bawah Peraturan yang dimansuhkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, dijalankan oleh atau diteruskan di hadapan, mengikut mana-mana yang berkenaan, Pengurusan Universiti dan Kakitangan Universiti di bawah Dasar ini.
- 5.3.3 Segala tanggungan sedia ada yang dilakukan oleh atau bagi pihak atau bagi maksud Pengurusan Universiti dan Kakitangan Universiti di bawah Peraturan yang dimansuhkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, dikuat kuasakan terhadap Pengurusan Universiti dan Kakitangan Universiti di bawah Dasar ini.

5.4. Kuasa Yang Diwakilkan

- 5.4.1 Segala kuasa yang diwakilkan di bawah peraturan yang dimansuhkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, setakat yang perwakilan itu selaras dengan Dasar ini, disifatkan telah diwakilkan di bawah Dasar ini.

5.5 Kecualian Peraturan, Dsb.

- 5.5.1 Semua peraturan, perintah, notis, borang dan surat diberi kuasa yang dikeluarkan atau dibuat oleh Pengurusan Universiti dan Kakitangan Universiti sebelum tarikh yang ditetapkan hendaklah terus berkuat kuasa setakat yang peraturan, perintah, notis, borang dan surat diberi kuasa selaras dengan, atau sehingga diganti atau dibatalkan oleh, peruntukan ini.

BAHAGIAN 6

PERUNTUKAN AM

6.0 Am

- 6.1 Dasar ini dan semua tafsiran mengenainya yang dibuat oleh Senat akan berkuat kuasa serta merta.
- 6.2 Sebarang Garis Panduan, Manual dan Dasar Pelaksanaan selanjutnya boleh dibuat di bawah mana-mana peruntukan dasar ini dan hendaklah dipatuhi.
- 6.3 Walau bagaimanapun, Senat berhak untuk mengubahnya dari semasa ke semasa apabila keadaan memerlukannya.
- 6.4 Senat mempunyai kuasa membenarkan apa-apa pengecualian yang difikirkan sesuai daripada kehendak-kehendak Dasar ini dari semasa ke semasa.